

NO SOALAN : 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN NO. 56

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian akan melaksanakan pendekatan 'bina kemudian jual' agar menguntungkan kedua-dua pihak pemaju dan pembeli rumah daripada sistem sekarang 'jual kemudian bina' yang menyebabkan spekulasi harga rumah yang tidak terkawal.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menggariskan usaha Kerajaan ke arah memastikan peralihan sistem penyampaian perumahan daripada “Jual Kemudian Bina” (JKB) kepada pendekatan “Bina Kemudian Jual” (BKJ) melalui Fokus 2 di bawah Dasar Perumahan Negara 2018-2025.
2. Terdapat 2 kategori utama konsep BKJ iaitu BKJ 0:100 dan BKJ 10:90. Konsep BKJ 0:100 merupakan konsep pemaju menjual rumah yang telah disiapkan sepenuhnya kepada pembeli. Konsep BKJ 10:90 pula merupakan konsep pembeli akan membayar 10% daripada harga jualan semasa menandatangani Surat Perjanjian Jual dan Beli (SPJB) dan baki 90% diselesaikan apabila Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan ke atas rumah tersebut.
3. Pelaksanaan konsep BKJ ini bertujuan untuk menginovasikan sektor hartanah khususnya perumahan dan pada masa yang sama mengurangkan karenah birokrasi serta mengurangkan masalah projek-projek perumahan terbengkalai dan meningkatkan kualiti pembinaan rumah.
4. Walau bagaimanapun, inisiatif ini hanya akan berjaya dilaksanakan oleh kerajaan dengan adanya kerjasama daripada pemaju swasta yang komited untuk menambah baik industri perumahan Negara. Pemaju swasta perlu berusaha untuk meningkatkan keupayaan kewangan syarikat bagi menanggung kos pembinaan perumahan sepenuhnya sehingga rumah siap dibina melalui konsep BKJ 0:100 atau BKJ 10:90. Pemaju swasta

NO SOALAN : 56

juga perlu mengkaji dengan teliti projek-projek mereka bagi mengelak situasi rumah siap yang tidak terjual.

Sekian, terima kasih.